

"KEWAJIPAN ini adalah kewajipan semua. Kita mesti mengamalkan nilai-nilai murni dan memelihara jati diri kita, dengan calak MIB. Kita adalah bangsa yang membangun dengan undang-undang, pendidikan dan akhlak yang baik, serta bergerak maju di atas landasan ajaran agama yang suci. Kita menawarkan persahabatan kepada semua warga dunia, sambil memberitahu, bahawa kita juga adalah rakan yang baik, yang sentiasa bersedia untuk menghormati sesiapa saja."
- Titah Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-66 Tahun.



Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN janganlah engkau memalingkan muka kerana memandang rendah kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong, sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Luqman, ayat 18.

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 62 / BILANGAN 83

12 JULAI 2017 / 1438 شوال 17

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

'Idea besar' penting majukan negara, bangsa

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

"APABILA sesuatu galakan atau bantuan disalurkan kepada mana-mana pihak, maka tidak syak lagi ia adalah satu pelaburan yang dapat ditunggu hasilnya berupa kemanfaatan."

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, sebagai faktor pendorong, pihak Yayasan juga tidak ketinggalan menyediakan beberapa Skim Penggalak seperti Skim Anugerah Sultan's Scholar, Skim Anugerah Kesusasteraan Islam dan Skim Anugerah Penulisan Islam.

Di samping itu, Yayasan juga telah menyediakan pelbagai pemberian atau hadiah atau sumbangan melalui program-program yang dianjurkan oleh kerajaan dan swasta termasuk skim-skim bantuan untuk membantu mereka yang memerlukan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Peranan itu, titah baginda, diambil oleh Yayasan sebagai pelaburan jangka pendek ataupun panjang.

"Apabila sesuatu galakan atau bantuan disalurkan kepada mana-mana pihak, maka tidak syak lagi ia adalah satu pelaburan yang dapat ditunggu hasilnya berupa kemanfaatan," jelas baginda.

Di antara manfaat besar yang mungkin diraih itu, jelas baginda, adalah lahirnya para *achievers* yang pernah menikmati anugerah skim atau bantuan daripada Yayasan.

Baginda seterusnya bertitah menekankan mengenai dengan bidang industri minyak dan pertanian, yang mana kedua-dua bidang itu tidak diragukan lagi nadi kepada negara, tetapi apakah sepatutnya sudah dimiliki dari sudut kepakaran.

"Usia industri minyak telah pun mendekati hampir satu abad tetapi peluang warga tempatan untuk menyandang jawatan-jawatan tinggi dan tertinggi masih saja mengecewakan.

Apakah ini belum lagi cukup untuk menyedarkan kita khasnya para *achievers* termasuk pemimpin dan juga sekalian anak bangsa pada amnya? Sehingga bilakah negara mesti menunggu untuk keadaan ini berubah?" tegas baginda.

Ke muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3, 4, 5 dan 6).

Majlis Kesyukuran Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan, 14 Julai

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Acara keagamaan Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyk Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71, Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi akan

diadakan pada hari Jumaat, malam Sabtu, 14 Julai 2017 bertempat di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara mulai jam 5.45 petang dengan tumpuan

utama di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong, Negara Brunei Darussalam.

Ke muka 7



Muka 9

HADIRI jempunan Hari Raya di Singapura

IKUTI KAMI DI



infodept.bn



@Infodept_bn



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri

Bismillahir Rahmannir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH, kita sungguh bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat, inayah serta izin-Nya jua membolehkan kita semua dapat berkumpul beramai-ramai pada petang ini bagi menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Buruh yang bertanggungjawab bagi mengendalikan majlis yang berkebiasaan dan penuh mahabbah dalam suasana kemesraan pada petang ini.

Terlebih dahulu sempena Eid al Fitri yang Mubarak ini, saya dan isteri saya dengan penuh rasa kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya. Semoga semua amal ibadat yang dilaksanakan di bulan Ramadan akan diterima Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Selaras dengan semangat Aidilfitri, kita berkumpul pada hari ini, iaitu untuk bermaaf-maafan, di samping merapatkan dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara kita semua, khususnya warga KHEDN, iaitu asas kepada mewujudkan kerjasama (teamwork) yang lebih mantap di kalangan kita semua.

Di bulan Syawal yang mulia ini, kita sewajarnya membuat muhasabah diri dan mempelajari amalan-amalan terbaik yang dilakukan semasa berpuasa. Banyak pengajaran yang diperolehi semula bulan Ramadan yang perlu terus diamalkan selaku seorang warga Perkhidmatan Awam yang akan dapat meningkatkan prestasi diri sendiri, kumpulan, mahupun organisasi.

Satu aspek yang penting ialah pembentukan disiplin diri sendiri. Bagaimana kita dengan tegas menghormati hukum-hukum berpuasa tanpa pengawasan orang lain. Kita mematuhi syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan semata-mata kerana taat dan patuh perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Kedua, kita mendisiplinkan diri dengan patuh kepada waktu. Waktu Imsak, mula berpuasa, semasa berpuasa dan waktu berbuka, waktu Solat Tarawih dan solat-solat yang lain. Jadi sejauh mana kita mematuhi dengan tepat waktu-waktu bekerja dan mengisi waktu-waktu tersebut dengan melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Ketiga ialah pentingnya mengujudkan semangat berkumpul. Kita berkumpul

"KEMENTERIAN dan jabatan-jabatan di bawahnya perlu memberikan keutamaan kepada perubahan-perubahan global yang semakin cepat dan pantas, lebih-lebih lagi dengan ledakan media sosial yang semakin signifikan bukan saja di dalam kehidupan masyarakat kita di Brunei, tetapi juga masyarakat di seluruh dunia. Implikasi-implikasi yang terhasil dari globalisasi juga perlu ditangani bersama-sama."

Disiplinkan diri patuh kepada waktu



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apung semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan Di Bawahnya 1438 Hijrah / 2017 Masihi pada 12 Syawal 1438H bersamaan 7 Julai 2017M di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, Negara Brunei Darussalam.

mengerjakan Solat Tarawih, bertadurus Al-Quran dan majlis ilmu. Adalah mustahak untuk kita, khususnya yang bertanggungjawab kepada akar umbi untuk bersama-sama memupuk dan memelihara kehidupan bersatu padu dan bekerja sebagai satu pasukan.

Keempat, dari kehidupan berkumpul ini akan mencetuskan rasa kasih sayang antara satu dengan yang lain, hormat-menghormati, sikap bertanggungjawab dan belas ihsan kepada yang memerlukan. Kita telah menyaksikan kemurahan hati umat Islam

di negara ini dalam membantu mereka yang memerlukan. Sikap ini juga boleh dilaratkan ke alam pekerjaan bagi membimbing dan membantu mereka yang memerlukan menambah pengetahuan dan kemahiran tertentu dalam pembangunan kapasiti bagi meningkatkan kecemerlangan mereka dalam pekerjaan.

Puasa adalah ibarat suatu kembara untuk menuju suatu destinasi, tujuan atau strategi di penghujung kembara. Ia dimulakan dengan menetapkan asas yang kukuh yang terus dibina dari satu fasa ke satu fasa dengan semangat dan keazaman serta takwa. Bukan jalan yang mudah untuk mencapai ke puncak kemenangan. Kita terpaksa mengharungi pelbagai cabaran dan dugaan. Inilah pengalaman kita di sepuluh terakhir bulan Ramadan.

Demikianlah juga dalam usaha kita melaksanakan pelan strategik jabatan atau kementerian. Pencapaiannya bergantung kepada teamwork, komitmen, semangat bertanggungjawab dan kecekalan menghadapi apa jua bentuk rintangan.

Demikianlah, kita perlu mempunyai kesabaran, komitmen yang tinggi dan juga perlu konsisten dalam apa yang hendak kita capai baik dalam kehidupan khususnya dalam sesebuah organisasi atau kementerian, dan dalam hal ini, KHEDN.

Kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya perlu memberikan keutamaan kepada perubahan-perubahan global yang semakin cepat dan pantas, lebih-lebih lagi dengan ledakan media sosial yang semakin signifikan bukan saja di dalam kehidupan masyarakat kita di Brunei, tetapi juga masyarakat di seluruh dunia. Implikasi-implikasi yang terhasil dari globalisasi juga perlu ditangani bersama-sama.

Alhamdulillah, semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa pembaharuan telah dicapai oleh KHEDN, yang mana antara lainnya adalah dalam mewujudkan suasana pro-perniagaan di negara ini. Beberapa perubahan positif telah dilaksanakan seperti perubahan ke atas pengeluaran lesen bagi pengambilan pekerja asing (LPA), Sistem Tempahan Awal bagi penyediaan pasport, aplikasi Mobile Apps NDMC, dan penghasilan produk-produk tempatan, iaitu melalui Satu Kampung Satu Produk yang mana pihak kementerian akan terus bekerjasama dengan kementerian dan agensi-agensinya yang lain berkepentingan bagi meningkatkan lagi penghasilan termasuk untuk dapat menembusi pasaran di dalam dan luar negara.

Ke muka 7

Dari Sidang
Pengarang.

12 JULAI 2017 BERSAMAAN 1438 شوال 17

KEMBANG MAJUKAN INDUSTRI
MINYAK DAN SEKTOR PERTANIAN

DALAM mengorak langkah dan melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah mencapai Wawasan 2035, Negara Brunei Darussalam memberikan penekanan kepada menjana transformasi agar negara akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi selaras dengan standard antarabangsa, mempunyai kualiti kehidupan di antara 10 buah negara teratas di dunia serta mempunyai ekonomi yang dinamik dan mapan.

Oleh yang demikian, berbagai-bagai usaha telah diusahakan dan akan dilaksanakan bagi mencapai matlamat Wawasan 2035 tersebut. Apa yang penting usaha berkenaan boleh menjana pekerjaan yang baharu untuk rakyat dan penduduk negara ini di samping boleh mengembangkan peluang-peluang perniagaan di dalam Brunei hingga ke peringkat antarabangsa yang secara tidak langsung akan mengembangkannya negara.

Perkara seumpama ini turut ditekankan dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkhiah (Yayasan), yang antara lain menekankan tentang pentingnya inisiatif dan 'idea besar' untuk memajukan negara dan bangsa.

Ini kerana jelas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia lagi, tanpa adanya inisiatif dan idea tersebut, semua jentera tidak mampu bergerak untuk memastikan perkembangan dan kemajuan berjalan lancar. Baginda turut memberi contoh dua industri penting negara iaitu industri minyak dan pertanian yang merupakan nadi kepada negara tetapi masih belum memenuhi apa yang diharapkan.

Berdasarkan titah baginda tersebut, amatlah jelas bahawa baginda amat menitikberatkan kemajuan dalam kedua-dua bidang tersebut kerana ia penyumbang utama kepada masa hadapan negara. Dalam titah juga baginda menaruh harapan agar anak-anak tempatan dapat menyandang jawatan-jawatan tertinggi dalam bidang industri minyak. Hal ini amat penting kerana anak-anak tempatan juga memiliki kemahiran tertentu yang boleh diketengahkan dalam bidang tersebut.

Sementara itu, dalam bidang industri pertanian Kebawah DYMM turut berhasrat agar ia diaktifkan kerana bidang tersebut mampu mengurangkan kebergantungan negara terhadap komoditi import seperti beras dan sebagainya. Jika bidang pertanian ini dikembangkan, ditambah lagi dengan kemajuan teknologi masa kini nescaya bidang ini akan dapat memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara. Hal ini kerana bidang pertanian merupakan salah satu bidang yang sangat dekat dengan masyarakat kita namun bagi meningkatkan pengeluaran dalam bidang ini, para pengusaha hendaklah diberikan latihan-latihan, pendedahan dengan cara pertanian moden yang boleh meningkatkan produktiviti.

Jika dirujuk Pelan Strategik Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya, 2016 - 2020, kementerian tersebut menyasarkan keupayaan untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan di mana pada 2020 nanti, industri pertanian dijangka dapat menjana lebih 4,800 tambahan peluang pekerjaan, industri perikanan menyediakan lebih 2,500 tambahan peluang pekerjaan, industri perhutanan lebih 360 tambahan peluang pekerjaan dan industri pelancongan pula akan menyediakan lebih 330 tambahan peluang pekerjaan.

Dengan yang demikian, jika setiap perancangan dan idea penting tersebut digarap dengan betul nescaya ia akan memberikan imbalan yang baik kepada negara khususnya dalam perkembangan dan kemajuan negara selaras dengan matlamat Wawasan 2035.

- Ketua Penyuntingan (Rd).

Ramadan (1438) Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
32°C / 25°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	31°C / 25°C	32°C / 24°C
32°C / 25°C	31°C / 25°C	31°C / 24°C
32°C / 26°C	32°C / 25°C	32°C / 25°C
32°C / 25°C	32°C / 26°C	32°C / 25°C
32°C / 26°C	32°C / 25°C	31°C / 26°C

Masihi JULAI	HARI	Hijrah SYAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	17	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
13	KHAMIS	18	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	JUMAAT	19	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	SABTU	20	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	AHAD	21	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
17	ISNIN	22	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
18	SELASA	23	4.42	4.52	6.15	6.39	12.28	3.51	6.38	7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN	AMBULANS 991	POLIS 993	BOMBA 995	PENYELAMAT 998	(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123	NDMC 2380214
---------------------	-----------------	--------------	--------------	-------------------	---	-----------------

'Idea besar' penting majukan negara, bangsa



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan berangkat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, dalam bidang industri pertanian kelihatan tidak aktif atau masih kurang diaktifkan kerana keperluannya pada negara sangatlah besar.

Di manakah azam dan usaha untuk mengaktifkan bidang pertanian sehingga mencapai tahap sara diri atau mengurangkan pergantungan kepada komoditi import seperti beras?

"Di sinilah pentingnya inisiatif dan 'idea besar' untuk memajukan negara dan bangsa. Tanpa adanya inisiatif dan idea tersebut semua jentera tidak mampu bergerak untuk memastikan perkembangan dan kemajuan berjalan lancar," tambah baginda.

Sebelum mengakhiri titah, baginda menjelaskan bahawa pentingnya memiliki inisiatif dan idea selain disiplin ilmu. Inilah sebenar-benarnya kunci kemajuan dan kejayaan.



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah (atas kiri).

BERANGKAT sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raab'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (kiri).



JUGA berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.



SUASANA Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB bagi Tahun 1438H / 2017M.

Sambutan Aidilfitri YSHHB meriah



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang



Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC) dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB serta Ahli-Ahli Jemaah Tadbir YSHHB yang lain.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan menerima junjung ziarah daripada pelajar-pelajar YSHHB.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul 'Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dari Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan serta kerabat diraja yang lain.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dari Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam ucapannya menyembahkan pada sambutan ini, YSHHB dengan berpandukan kepada aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi kecemerlangan rakyat dan negara telah menentang mereka yang berjaya atau *the achievers* yang telah mencapai kecemerlangan dan menerima anugerah di atas pencapaian dan jasa bakti mereka di dalam bidang dan lapangan tertentu sebagai peserta.

Ke muka 5



MAJLIS diserikan lagi dengan persembahan pentas iaitu sketsa dan nyanyian daripada gabungan para pelajar Sekolah YSHHB yang terdiri daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah dengan tema 'Kejayaan dan Kecemerlangan' (kiri dan kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta paduka-paduka anakanda baginda berkenan berangkat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB bagi Tahun 1438H / 2017M di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (Kiri). Manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda berkenan beramah mesra bersama peserta persembahan Hari Raya YSHHB.

Dari muka 4

Yang Berhormat menyembahkan, mereka ini telah mencapai kejayaan dan menerima pengiktirafan dalam berbagai bidang sama ada secara individu mahupun secara berkumpulan, baik dari peringkat kebangsaan, serantau mahupun antarabangsa.

Sembah Yang Berhormat lagi, penampilan mereka ini juga telah membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam juga mampu melahirkan para tokoh, juara, cendekiawan, profesional dan inovator dalam berbagai-bagai bidang.

"Ini membuktikan bahawa kita mampu untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi bersama-sama masyarakat lain di arena serantau mahupun antarabangsa," sembah Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyembahkan, mereka ini seterusnya diharapkan akan menjadi contoh tauladan dan dapat memberikan sumber inspirasi kepada masyarakat sekeliling untuk sama-sama berazam meningkatkan usaha memacu kecemerlangan dan kejayaan ke arah pembangunan ugama, bangsa dan negara.

Pada majlis itu, Kebawah DYMM juga berkenan mengurniakan titah.

Majlis diserikan lagi dengan persembahan pentas iaitu sketsa dan nyanyian daripada gabungan para pelajar Sekolah YSHHB yang terdiri daripada kanak-kanak Taman Asuhan Kanak-Kanak, murid-murid sekolah rendah dan penuntut-penuntut sekolah menengah

dengan tema 'Kejayaan dan Kecemerlangan'.

Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain kemudian menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama pelajar-pelajar YSHHB dan para jemputan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menandatangani Lembaran Kenangan Keberangkatan sebelum berkenan menyertai sesi bergambar ramai.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain juga berkenan mengadakan lawatan ke pameran-pameran daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mengambil tempat di ruang legar pusat berkenaan, yang mengetengahkan kejayaan dan kecemerlangan yang telah dicapai.

Dengan adanya sambutan ini akan memberi peluang kepada para peserta untuk beramah mesra dengan raja yang dikasihi di samping memberi inspirasi dan perangsang kepada para peserta agar terus melaksanakan peranan mereka dalam mengharumkan lagi nama bangsa dan negara.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan beramah mesra bersama para pelajar YSHHB.



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB bagi Tahun 1438H / 2017M (kiri). Sementara gambar kanan, bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat dari Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

YSHHB raikan mereka yang capai kecemerlangan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bersama paduka-paduka anakanda baginda ketika berkenan bergambar ramai pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438H / 2017M anjuran YSHHB.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Dengan menentengahkan mereka yang berjaya atau *the achievers* semasa Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), setentunya dapat memberikan semangat dan motivasi kepada mereka untuk terus meningkatkan usaha bagi meraih kejayaan dan kecemerlangan pada masa hadapan.

Di samping itu, ia juga sebagai tanda penghargaan, sokongan dan pengiktirafan terhadap jasa bakti, pencapaian dan kejayaan mereka dalam mengharumkan nama bangsa dan negara yang akan menjadi contoh tauladan kepada generasi muda untuk gigih meningkatkan usaha bagi meraih kecemerlangan dan kejayaan pada masa hadapan.

Sebahagian daripada peserta terdiri daripada tokoh, ilmuwan dan jasawan dalam bidang agama, pendidikan dan kesusasteraan; pemenang qari dan qariah termasuk pemenang pertandingan menghafaz Al-Quran; penerima anugerah kepimpinan belia; para penerima pengiktirafan dalam bidang perubatan, kejuruteraan, kewangan, kemasyarakatan, pengurusan dan perkhidmatan; pemenang acara sukan dan olahraga, para pelajar yang mendapat pengiktirafan Top 10 In The World dalam mata-mata pelajaran tertentu dan yang seumpamanya.

Pencapaian mereka yang berjaya ini adalah sejajar dengan salah satu matlamat Wawasan 2035 dalam menjadikan Negara Brunei Darussalam dikenali di seluruh dunia dengan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Adapun tujuan pemilihan ini adalah sebagai manifestasi keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kejayaan dalam bidang

dan lapangan masing-masing.

Bersesuaian dengan meraikan mereka yang berjaya (*the achievers*) sebanyak 19 buah agensi daripada pihak kerajaan dan swasta menyertai pameran yang menentengahkan kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai oleh organisasi sama ada pencapaian dan pengiktirafan yang dicapai oleh para tenaga kerja bagi setiap agensi tersebut mahupun inisiatif organisasi dalam melahirkan tenaga manusia yang berjaya dan memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menyertai pameran adalah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), iCentre, Royal Brunei Airlines Sendirian Berhad, Telekom Brunei Berhad (TelBru), Brunei LNG Sendirian Berhad, Brunei Gas Carriers Sendirian Berhad, Brunei Methanol Company, Bank Islam Brunei Darussalam, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei, Baiduri Bank, DST, Progresif Cellular Sendirian Berhad (PCSB) dan Pertubuhan Ukur Jurutera & Arkitek (PUJA).

Sementara itu, Pengurus Perhubungan Korporat Kerajaan PCSB, Dayang Normah binti Ahmad ketika ditemui menjelaskan, PCSB baru mencapai usia tiga tahun pada 1 Julai yang lepas dan telah mencapai kejayaan yang ketara dalam memenangi Project of The Year Best Brand Campaign pada tahun 2016 di Singapura.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Jelasnya, pekerja PCSB mula-mula beroperasi cuma 123 orang dan kini sudah mencapai 263 orang dengan 95 peratus adalah warga tempatan.

Beliau menambah, PCSB akan sentiasa menyokong hasrat kerajaan Wawasan 2035 dan bercadang untuk membina teknologi yang lebih canggih dan pada masa ini sudah banyak membuat kerjasama bersama pihak-pihak berkenaan.

Selain itu, beliau juga berhasrat menjadikan PCSB dikenali di persada antarabangsa sebagai produk Brunei Darussalam.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia ketika berkenan mengadakan lawatan ke pameran-pameran daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta yang mengambil tempat di ruang legar pusat berkenaan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika berkenan mengadakan lawatan ke salah satu pameran.

Latihan penuh pastikan kelancaran majlis

Oleh : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Selasa, 11 Julai. - Persiapan bagi menjunjung keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong semakin rancak diadakan.

Justeru latihan penuh 'Full Dress' diadakan di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong, di sini.

Hadir menyaksikan latihan berkenaan ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-71 Tahun.

Konsep Persembahan Khas tahun ini mempersembahkan satu persembahan yang berwarna-warni bertemakan 'Raja Bijaksana, Negara Makmur, Rakyat Sejahtera'.

Persembahan Khas berkenaan melibatkan seramai 471 peserta

yang terdiri daripada penuntut-penuntut sekolah menengah dan rendah Daerah Tutong, puak dan masyarakat daerah ini.

Persembahan Khas kali ini antara lain menggambarkan belia-belia yang mempunyai sikap bertanggungjawab, mempunyai wawasan, berdaya maju serta semangat kerja berkumpulan yang jitu.

Selain itu, ia juga dimuatkan dengan gambaran tentang prinsip serta hala tuju kemajuan negara yang sentiasa mengekalkan warisan dan budaya di dalam semua aspek kemajuan bagi mengekalkan perpaduan rakyat sebagai komponen utama untuk menuju Wawasan Brunei 2035.

Hadir sama, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, pegawai-pegawai kanan kerajaan serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71 Tahun bagi daerah ini tahun 2017.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-71 Tahun semasa hadir menyaksikan latihan penuh 'Full Dress' yang diadakan di Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.



SUASANA latihan penuh Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat dan Penduduk Daerah Tutong.

HALUAN

Disiplinkan diri patuh kepada waktu

Dari muka 2

Walau bagaimanapun, kita tidak boleh *complacent* dan leka dengan pencapaian-pencapaian tersebut. Kita perlu lagi bekerja dengan lebih konsisten dan efisien, di samping memberkesakan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan juga sektor-sektor swasta bagi mencapai apa yang dihasratkan dalam Wawasan Brunei 2035 melalui 'A Whole of Nation Approach'.

1) Dari Aspek Keselamatan
Saya ingin melihat tahap kesiapsiagaan yang tinggi di kalangan masyarakat kitani dalam menghadapi apa jua jenis bencana alam khususnya kepada mereka

yang tinggal di kawasan-kawasan yang mudah terdedah (*vulnerable*) kepada bencana. Ini termasuklah mempercepatkan lagi masa tindak balas (*faster response time*) menghulurkan bantuan kepada mereka yang terlibat dalam kejadian bencana.

2) Dari Aspek Kemasyarakatan

Saya ingin melihat lebih banyak lagi penglibatan anak-anak buah kampung dalam apa jua aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan di kampung dan mukim masing-masing. Kita berperanan penting kearah memperkasakan keupayaan kepimpinan di peringkat akar umbi supaya kesejahteraan seluruh warga di mukim dan kampung akan

sentiasa terjaga dengan perpaduan yang kukuh dan tahap keharmonian yang tinggi.

3) Dari Aspek Sosioekonomi
Saya ingin melihat kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya akan sentiasa mencari kaedah terbaik untuk menjadikan iklim perniagaan yang lebih kondusif dalam membantu pertumbuhan dan lebih kondusif dalam membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara, di samping menjana peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Kesyukuran Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan, 14 Julai

Dari muka 1

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama, beberapa buah masjid lain juga akan dijadikan sebagai tumpuan mengikut daerah-daerah seperti di Daerah Brunei dan Muara di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan; Masjid Hassanal Bolkiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia Ali Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala di Daerah Tutong ialah Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong. Di Daerah Belait

akan diadakan di Masjid Jamalul Alam, Daerah Belait; Masjid Pekan Seria, Daerah Belait dan Masjid Perancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait.

Daerah Temburong pula ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Orang ramai dialu-alukan untuk hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara bagi sama-sama menghadiri Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyq Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-71, Tahun 1438H / 2017M.

Politeknik Brunei - AsiaEdge, NrgEDGE meterai MoU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Amirulnizam
Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Politeknik Brunei dan Asia Edge Pte. Ltd. serta NrgEDGE Pte. Ltd., Singapura telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang bertujuan untuk menubuhkan kerjasama formal untuk peluang latihan dan akses pada platform AsiaEdge dan NrgEDGE bagi kebaikan bersama dalam latihan para pelajar.

Majlis penandatanganan berlangsung di Politeknik Brunei, Jalan Ong Sum Ping, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Dat in.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa menyaksikan penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai mewakili politeknik serta Pengarah AsiaEdge dan NrgEDGE, Malina Rahman, mewakili syarikat berkenaan.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin

Pengiran Haji Bahar dan Datin; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah

Romaizah binti Haji Md. Salleh; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan serta pengarah-pengarah juga ketua-ketua jabatan di Kementerian Pendidikan dan Politeknik Brunei.

MoU itu ditandatangani oleh Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai mewakili politeknik serta Pengarah AsiaEdge dan NrgEDGE, Malina Rahman, mewakili syarikat berkenaan.

Menyaksikan penandatanganan tersebut ialah Pemangku Penolong Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar dan Growth & Partnership Specialist di NrgEDGE, Anas Asalem.

Terdahulu, Pengarah Politeknik Brunei dalam ucapannya berkata, kerjasama tersebut menunjukkan komitmen Politeknik Brunei dalam meningkatkan kerelevanan dan keberkesanan pengajaran serta pembelajaran yang diberikan kepada para pelajar.

MoU berkenaan menandakan bermulanya kerjasama rasmi pertama Politeknik Brunei dengan organisasi diiktiraf antarabangsa, PetroEDGE yang merupakan sebuah entiti pembekal latihan dalam minyak dan gas AsiaEdge serta NrgEDGE.

Kerjasama ini diharap akan menyediakan peluang latihan praktikal di seluruh dunia bagi pelajar Politeknik Brunei, di samping menggalakkan pertumbuhan kerjaya di luar negara.

Sehubungan itu, bagi menubuhkan kerjasama yang lebih jauh, dua pelajar Politeknik Brunei dalam program Diploma Kejuruteraan Petroleum, iaitu Awang Mohammad Hairul bin Hanape dan Dayang Nurul Aidawati binti Alizam telah dilantik sebagai Duta Pelajar NrgEDGE, yang mana mereka akan menjadi titik perhubungan di antara pelajar-pelajar di institusi berkenaan dan NrgEDGE.



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat semasa penandatanganan MoU yang bertujuan untuk menubuhkan kerjasama formal untuk peluang latihan dan akses pada platform AsiaEdge dan NrgEDGE bagi kebaikan bersama dalam latihan para pelajar (kiri).

Politeknik Brunei berhari raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Politeknik Brunei mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang dianjurkan oleh Pengarah Politeknik berkenaan, Denis Ho Mun Tai.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan isteri, Datin Hajah Asmah binti Haji Abdul Rahman.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan isteri, Datin Hajah Jama'iah binti Haji Abdul Manap; Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali

dan pengarah-pengarah serta ketua-ketua jabatan di Kementerian Pendidikan.

Pada majlis tersebut, para hadirin dihidangkan dengan jamuan makanan dan minuman, di samping dihiburkan dengan beberapa persembahan daripada para pelajar dan pensyarah serta kakitangan Politeknik Brunei.

Majlis tersebut juga diadakan bagi membolehkan komuniti institusi berkenaan memahami kepercayaan agama, tradisi dan adat resam masing-masing.

Selain itu juga, majlis tersebut bertujuan untuk mengamalkan budaya bermaafan dan mengukuhkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai, pensyarah, kakitangan dan pelajar-pelajar institusi berkenaan.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Politeknik Brunei bagi Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Hadiri jemputan Hari Raya di Singapura



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Datin berkesempatan berkunjung berhari raya di kediaman Menteri Persekutaran dan Sumber Air, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohammad.

REPUBLIK SINGAPURA, Isnin, 10 Julai. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman dan Datin menghadiri jemputan Hari Raya Menteri Perhubungan dan Penerangan, Tuan Yang Terutama

Dr. Yaacob bin Ibrahim, pada Jumaat yang lalu di Marina Hotel Singapura. Manakala pada Ahad, 9 Julai 2017, Yang Berhormat juga

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

berkesempatan berkunjung berhari raya ke kediaman Menteri Persekutaran dan Sumber Air, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Masagos Zulkifli bin Masagos Mohammad dan Menteri Negara kanan, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Ehwal Luar Negeri, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Maliki Osman.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), rombongan dari Negara Brunei Darussalam terdiri daripada Timbalan Menteri (Korporat, PENGGERAK dan Ekonomi) Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud dan Datin; Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Laksamana Pertama (B) Dato Seri Pahlawan Awang Abdul Aziz bin Haji Mohd. Tamit

dan Datin serta Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar dan Datin.

Turut hadir sama, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Haji Awang Saifulbahri bin Haji Awang Mansor dan isteri.

Kunjungan tersebut merupakan kunjungan balas sempena Hari Raya Aidilfitri yang juga merupakan tradisi kedua pemimpin di dalam memeriahkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta menjalinkan lagi hubungan yang sedia ada, di samping mendekatkan dan mengakrabkan lagi ukhuwah persaudaraan di antara dua buah negara, iaitu Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, yang mana tradisi kunjung-mengunjungi tanpa mengira apa jua agama, bangsa dan negara.



KUNJUNGAN tersebut merupakan kunjungan balas sempena Hari Raya Aidilfitri yang juga merupakan tradisi kedua pemimpin di dalam memeriahkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri serta menjalinkan lagi hubungan yang sedia ada (kiri). Sementara gambar kanan, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin ketika menghadiri jemputan Hari Raya Menteri Perhubungan dan Penerangan, Tuan Yang Terutama Dr. Yaacob bin Ibrahim di Marina Hotel Singapura.



KSSUP meriahkan sambutan Aidilfitri



MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri (kiri). Sementara gambar kanan Yang Berhormat sama-sama menikmati juadah hari raya sempena dengan sambutan tersebut.



**Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) mengadakan Majlis Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bagi tahun 1438H / 2017M bagi jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah kementerian berkenaan yang diadakan

di Dewan Setia Pahlawan, KSSUP pada Sabtu, 8 Julai lalu.

Menurut Siaran Akhbar KSSUP, hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap

KSSUP, Dr. Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai serta kakitangan KSSUP dan jabatan-jabatan juga bahagian-bahagian di bawahnya.

Antara objektifnya untuk meraikan sambutan berkenaan sebagai tanda kesyukuran dan kemenangan umat Islam setelah berpuasa di bulan Ramadan juga untuk mengeratkan lagi tali silaturahmi dan bermaaf-maafan

dalam kalangan warga KSSUP.

Majlis tahun ini diadakan secara sederhana, iaitu menikmati juadah makanan yang disediakan di pondok-pondok oleh jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah KSSUP.

Hiasan dan reka bentuk pondok serta presentation hidangan makanan akan dipertandingkan serta dihakimi oleh Yang Berhormat dan Datin, Setiausaha Tetap dan Datin juga Timbalan Setiausaha Tetap dan isteri.

Acara diserikan dengan beberapa persembahan dari jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawah KSSUP termasuk cabutan tiket bertuah.

Sambutan berkenaan merupakan aktiviti tahunan kementerian dan dikendalikan secara bergilir-gilir oleh jabatan-jabatan serta bahagian-bahagian di bawahnya, tahun ini, Jabatan Perhutanan bersama Pusat Penyelidikan dan Inovasi Biodiversiti diamanahkan untuk menyelenggarakan majlis tersebut.

Pusat Kegiatan Warga Emas dirasmikan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menandatangani plak perasmian Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) Tutong.

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama jemputan yang lain menyaksikan pameran produk sejour selepas perasmian PKWE Tutong.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

TUTONG, Isnin, 10 Julai. - Peningkatan jumlah penduduk warga emas di negara ini semakin ketara susulan peningkatan jangka hayat yang disebabkan oleh kualiti kehidupan rakyat dan taraf kesihatan yang semakin bertambah baik merupakan satu fenomena yang dialami oleh kebanyakan negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Menyedari akan hakikat ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui Jabatan

Masyarakat (JAPEM) telah menubuhkan Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Daerah Tutong.

Perasmian bangunan PKWE tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji

Umarali bin Esung; Setiausaha Tetap KKBS, Datin Paduka Dr. Dayang Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Pegawai Daerah Tutong, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung serta warga emas dari Daerah Tutong.

Sejour selepas perasmian tersebut, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyaksikan pameran yang memperlihatkan pelbagai aktiviti yang dijalankan oleh warga emas Daerah Tutong seperti kraf tangan, pembuatan sirap Aloe Vera, pembuatan makanan tradisi dan

bacaan dikir serta tausiyah.

Pusat yang disumbangkan oleh Pengarah Urusan GHK, Yang Dimuliahkan Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin itu merupakan yang kedua dibina di negara ini, yang mana PKWE yang pertama terletak di Lambak Kanan, yang telah dirasmikan pada tahun 2013.

PKWE ini dihasrat akan menjadi mekanisme bagi membolehkan warga emas di Daerah Tutong lebih bergiat aktif terutamanya dalam menyumbang khidmat bakti kepada negara.

Meskipun pengurusan PKWE dijalankan sendiri oleh warga emas, ia membuktikan bahawa umur bukan penghalang bagi

seorang itu untuk terus bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan negara.

Pada masa akan datang, KKBS merancang untuk terus memudah cara penubuhan PKWE di Daerah Belait dan Daerah Temburong malahan di zon-zon Daerah Brunei dan Muara.

PKWE Daerah Tutong ini dibuka setiap hari kecuali Jumaat dan Ahad bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang dan warga emas khususnya yang menetap di Daerah Tutong adalah dialu-alukan datang dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan.

Sumbangan dapat membina kemahiran keusahawanan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman / Sity Diyanatul-Widad Haji Ismat
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

LAMBAK KANAN, Selasa, 11 Julai. - Sebagai salah satu inisiatif Tanggungjawab Korporat Sosial (CSR) bagi menyokong Program Pra-Vokasional dan memperkasa individu yang berkeperluan khas, Syarikat Sabli Food Industries Sdn. Bhd., telah menyampaikan sumbangan peralatan elektrik dapur dalam bentuk *mixer* dan oven kepada Sekolah Menengah Masin.

Penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Pengerusi Kumpulan Syarikat-Syarikat Sabli, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Negara pada majlis yang berlangsung di Syarikat Sabli Food Industries Sdn. Bhd., Perindustrian Lambak Kanan, di sini.

Hadir menerima sumbangan bagi pihak sekolah ialah Pengetua Sekolah Menengah Masin, Mr. Ivan Moore. Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Sekolah-Sekolah, ahli pentadbiran Sekolah Menengah Masin dan Guru Homeroom Program Pra-Vokasional.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli ketika ditemui menerangkan bahawa sumbangan peralatan itu merupakan kesinambungan bagi projek yang dilaksanakan

oleh pihak Kementerian Pendidikan dalam usaha membantu pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Yang Berhormat berharap pelajar Program Pra-Vokasional dan Guru Homeroom akan dapat menghasilkan produk untuk dijual dengan menggunakan peralatan yang disumbangkan di mana pelajar akan dapat membina kemahiran keusahawanan dan asas kemahiran kerja.

"Saya juga ingin menyarankan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGOs), syarikat swasta dan pengusaha-pengusaha lain untuk sama-sama membantu pelajar-pelajar kurang upaya kita," ujar Yang Berhormat.

Pada Mei lalu, seramai lima pelajar Program Pra-Vokasional, dua Guru Homeroom dan seorang Guru Relif dari Sekolah Menengah Masin telah menamatkan Kursus Latihan Membuat Kek, Biskut dan Pastri di Kedai Pastri Sabli Kompleks Perindustrian Kecil, Kampung Limau Manis selama 12 minggu.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli telah menyatakan minat untuk menawarkan peluang kepada para pelajar dan guru-guru untuk mengikuti kursus pendek dan menjalani penempatan kerja jangka panjang bagi pelajar di bawah anak-anak syarikat beliau.



PENGERUSI Kumpulan Syarikat-Syarikat Sabli, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad, yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Negara (enam, kiri) semasa menyampaikan sumbangan peralatan elektrik dapur dalam bentuk *mixer* dan oven kepada Sekolah Menengah Masin.

Sementara itu, Mr. Ivan Moore turut menghargai sumbangan daripada syarikat berkenaan bagi menyokong Program Pra-Vokasional serta menghargai sokongan seperti pengurusan

permohonan penempatan kerja pelajar dan inisiatif yang diperkenalkan oleh Unit Akademik, Jabatan Sekolah-Sekolah

Bagi memberi peluang pelajar

menimba asas kemahiran kerja melalui pumbungkusannya di sekolah, Syarikat Sabli Food Industries Sdn. Bhd. telah berkolaborasi dengan empat buah sekolah menengah kerajaan.

Politeknik Brunei tawarkan 21 kursus diploma sesi 2017 / 2018

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Politeknik Brunei hari ini mengalu-alukan seramai 730 pelajar baharu bagi Sesi Akademik 2017 / 2018 pada Majlis Minggu Orientasi yang berlangsung di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pengarah Politeknik Brunei, Dennis Ho Mun Tai dalam ucapamannya berkata, sesi pengambilan kali ini menawarkan sebanyak 21 kursus diploma di peringkat 4 dan 5 yang akan dikendalikan di tiga lokasi iaitu di School of business, School of Information and Communication Technology (ICT) di Kampus Ong Sum Ping; School of Science and Engineering di Kampus Lumut dan di Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Institute of Health Sciences, Universiti Brunei Darussalam.

Menurutnya, kursus-kursus di politeknik berkenaan adalah dikendalikan dengan mengikut keperluan pihak industri bagi tujuan pembangunan dan perkembangan sosioekonomi negara.

"Dan dalam usaha Politeknik Brunei ini, sifat kerjasama dan sokongan padu di antara semua yang terlibat terutama sekali di antara semua warga Politeknik Brunei termasuk para pelajar, adalah mustahak bagi sama-sama menjayakan pelaksanaan kursus-kursus ini," terang beliau.

Beliau juga yakin institusi tersebut akan terus menghasilkan tenaga pekerja muda bagi menampung keperluan tenaga pekerja mahir di industri-industri berkenaan di negara ini.

"Dan perkara ini adalah bertepatan dengan visi Politeknik Brunei untuk menjadi sebuah politeknik terkenal yang mengeluarkan graduan-graduan yang berinovatif, berkemahiran dan marketable," katanya.

Majlis diteruskan dengan lafaz ikrar daripada 17 pelajar pengambilan ketujuh bagi Sesi Akademik 2017 / 2018.

Sesi Orientasi ini telah diisi dengan Taklimat Mengenai Pendaftaran dan Peperiksaan; Enrichment Module dari Centre for Student Development and Innovation (CSDI); Kesihatan,

Keselamatan dan Alam Sekitar (HSSE); Perkhidmatan Pelajar dan Etika; Perkhidmatan Kewangan dan perkara-perkara akademik.

Begitu juga dengan taklimat dari Jabatan Pembelajaran dan Perpustakaan serta Jabatan Perkhidmatan Industri mengenai *internship*, di samping mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti kepimpinan dan kerja berpasukan yang dialu-alukan oleh Politeknik Brunei.



UCAPAN alu-aluan dari tetamu kehormat Yang Mulia Dennis Ho Mun Tai, Pengarah Politeknik Brunei.



LAFAZ ikrar daripada pelajar pengambilan ketujuh Politeknik Brunei bagi Sesi Akademik 2017 / 2018.

60 sertai Kursus Pengukuhan Islam



TENAGA pengajar Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf, Pegawai PDI, Awang Haji Imaharan bin Awang Haji Metali.

terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi.

Kursus empat hari itu berlangsung di Bangunan Darul Huda, PDI, bermula 10 Julai hingga 13 Julai ini.

Sepanjang kursus berlangsung, tenaga pengajar yang terlibat ialah Pegawai PDI, Awang Haji Imaharan bin Awang Haji Metali.

Kursus dihasrat akan dapat memberikan kefahaman, mengulang kaji pengetahuan yang ada dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada agar dapat diamalkan dalam kehidupan, di samping menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan serta ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu, Pelita Brunei menemu bual Pegawai Perkembangan Ugama, PDI, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Awang Mohamad Ali yang antara lain menjelaskan bahawa kursus tersebut merupakan rancangan tahunan Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Dakwah yang bertujuan bagi memperkukuhkan lagi pengetahuan dari segi kerohanian untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.



PARA peserta yang mengikuti Kursus Pengukuhan Islam Tashawwuf anjuran Pusat Da'wah Islamiah.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim dan Sity Diyanatul - Widad Haji Ismat
Foto : Hamzah Mohidin

Kumpulan Muslimah Masjid Kampung Penanjong juara

Oleh : Noraisah Muhammed
Foto : Ihsan

PENANJONG, Ahad, 9 Julai. - Kumpulan Muslimah Masjid Kampung Penanjong muncul juara pada Peraduan Dikir Syarafil Anam anjuran Jawatankuasa Takmir Masjid dan Muslimah Masjid Kampung Penanjong bersama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Penanjong.

Manakala itu, tempat kedua dimenangi oleh Muslimah Masjid Hassanal Bolkiah Tutong dan tempat ketiga pula disandang oleh Muslimah Masjid Kampung Penanjong.

Peraduan julung kalinya itu disertai oleh enam pasukan yang berlangsung di Masjid Kampung Penanjong, Tutong dan hadir selaku tetamu khas pada majlis itu, isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Lunayati binti Tuah yang kemudiannya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Imam, Awang Haji Kartolo bin Haji Abang, beliau berkata majlis itu diadakan sebagai salah satu syiar Islam, selain merapatkan hubungan silaturahim, ia juga bertujuan untuk memakmurkan masjid.

Turut hadir pada majlis itu Ketua Kampung Penanjong, Awang Haji Jumat bin Haji kadir; ketua-ketua kampung dan penduduk Kampung Penanjong.



ANTARA yang hadir ialah Ketua Kampung Penanjong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir; ketua-ketua kampung dan penduduk Kampung Penanjong Tutong.



ISTERI Pegawai Daerah Tutong, Dayang Lunayati binti Tuah selaku tetamu khas juga telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Permasalahan semasa ibadat haji dan umrah : Hukum membayarkan fidyah atau dam bagi pihak orang lain

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan Salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

KETIKA menunaikan ibadat haji atau umrah, para jemaah terikat dengan tuntutan-tuntutan tertentu sepanjang menunaikan kedua ibadat tersebut. Apabila tuntutan-tuntutan ini tidak dipatuhi, contohnya seseorang melakukan perkara-perkara yang dilarang ketika ihram seperti memotong kuku, mencukur rambut, memakai wangian dan memakai penutup kepala (bagi lelaki), ataupun dia meninggalkan wajib-wajib haji seperti niat ihram di Miqat, melontar jamrah, bermalam di Muzdalifah, bermalam di Mina pada hari-hari Tasyriq dan tawaf Wada', maka fidyah atau dam tertentu akan dikenakan sebagai denda atau tebusan bagi kesalahan-kesalahan tersebut.

Fidyah atau dam bukanlah alternatif atau jalan yang mengharuskan seseorang untuk melanggar tuntutan-tuntutan yang telah ditetapkan syarak. Oleh kerana itu, walaupun fidyah atau dam itu berfungsi sebagai denda atau tebusan terhadap kesalahan yang dilakukan, ia tidak boleh sekali-kali dijadikan helah atau alasan untuk meninggalkan tuntutan-tuntutan dalam ibadat haji mahupun umrah secara sengahaja. Bahkan adalah wajib bagi orang yang menunaikan haji atau umrah itu menjaga segala tuntutan ketika mengerjakan kedua ibadat tersebut dan haram dia melanggarnya. Sesiapa yang melanggarnya akan menanggung dosa serta diwajibkan ke atasnya membayar fidyah atau dam sebagaimana yang ditentukan. Maksudnya di sini, dia tetap berdosa kerana perbuatannya melanggar tuntutan-tuntutan tersebut walaupun dia sudah membayar fidyah atau dam. Di samping itu, menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah*, orang-orang yang tidak menjaga tuntutan-tuntutan tersebut, selain dari mendapat dosa serta dikenakan fidyah atau dam, dikhuatiri ibadat hajinya menjadi tidak mabrur.

Selain dikenakan fidyah atau dam tertentu kerana melanggar tuntutan-tuntutan ibadat haji atau umrah sepertimana contoh di atas, dam juga dikenakan ke atas orang yang mengerjakan Haji Tamattu' dan Haji Qiran.

Salah satu dalil bagi ketetapan ini ialah firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 196 :

Tafsirnya : "... Maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan umrah sampai waktu mengerjakan haji maka diwajibkan ke atasnya dam yang mudah didapati. Tetapi sesiapa yang tidak dapat (mengadakan dam itu) maka hendaklah dia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali ke tempat masing-masing, semuanya itu sepuluh hari cukup sempurna..."

(Surah Al-Baqarah : 196)

Ayat di atas ini, walaupun secara khusus hanya menyebutkan kewajiban membayar dam bagi mereka yang mengerjakan haji Tamattu', akan tetapi menurut ulama, ia juga sekali gus menjadi dalil diwajibkan dam bagi mereka yang mengerjakan Haji Qiran. Ini kerana pekerjaan Haji Qiran lebih sedikit dan lebih ringan berbanding pekerjaan Haji Tamattu'. Maka atas dasar ini, Haji Qiran lebih utama untuk dikenakan dam.

Bagi mereka yang memiliki kesenangan dan mempunyai harta lebih, mungkin ada terlintas atau terniat dalam hati mereka untuk mengeluarkan fidyah atau dam untuk orang lain bagi meringankan bebanan orang yang menanggung fidyah atau dam itu di samping mengharapkan ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala. Apa yang menjadi persoalan di sini ialah adakah sah sekiranya seseorang membayar atau mengeluarkan fidyah atau dam bagi pihak orang lain? Adakah apa-apa perbezaan hukum sekiranya orang yang hendak dibayarkan fidyah atau dam untuknya itu masih lagi hidup ataupun sudah mati? Adakah beza sekiranya ia dilakukan dengan izin atau tanpa izin tuannya?

Bolehkah Mengeluarkan Fidyah Atau Dam Bagi Pihak Orang Lain?

Menurut ulama mazhab asy-Syafi'i, fidyah atau dam tidak boleh dikeluarkan untuk orang lain tanpa izinnya kerana fidyah atau dam itu adalah sejenis ibadat. Ini kerana hukum asal bagi perkara-perkara ibadat, seperti fidyah, zakat, *udhiyyah* (ibadat korban), aqiqah dan sebagainya, tidak boleh dikerjakan untuk orang lain tanpa izinnya.

Mengenai perkara mengerjakan ibadat untuk orang lain ini, Imam Asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam al-'Iqna' menjelaskan

tentang permasalahan mengerjakan *udhiyyah* untuk orang lain tanpa meminta izin terlebih dahulu daripada tuannya. Beliau berkata :

Ertinya : "Dan tidak harus seseorang mengerjakan *udhiyyah* bagi pihak orang lain tanpa izinnya walaupun untuk orang yang sudah mati sepertimana juga halnya dalam seluruh perkara ibadat melainkan jika dia diberikan keizinan (untuk mengerjakannya bagi pihak orang lain) sepertimana dalam permasalahan zakat."

Adapun hukum mengerjakan *udhiyyah* bagi orang yang sudah mati pula, sekiranya ia dilakukan atas wasiatnya, maka yang demikian itu adalah sah dan memadai. Perkara ini ada disebutkan dalam kitab-kitab ulama Asy-Syafi'i antaranya Mughni al-Muhtaj, Asna al-Mathalib dan Busyra al-Karim. Hukum permasalahan ini bolehlah diqiyaskan kepada fidyah atau dam kerana ia juga dalam kategori perkara-perkara ibadat.

Dalam al-Majmu' pula, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* secara khusus ada menyebutkan hukum mengeluarkan fidyah bagi pihak orang lain yang melanggar larangan ihram. Menurutnya, sekiranya seseorang mengeluarkan fidyah tersebut bagi orang lain maka yang demikian itu harus sekiranya ia dikeluarkan dengan izin daripada orang tersebut. Para ulama tidak berselisih pendapat dalam perkara ini. Ini sepertimana jika dia mengeluarkan zakat atau kaffarah bagi pihak orang lain dengan mendapatkan izin daripada tuannya terlebih dahulu.

Bagaimanapun, sekiranya ia dikeluarkan tanpa izin, maka menurut pendapat yang ashah, yang demikian itu tidak sah dan tidak memadai.

Maka jelas di sini bahawa menurut para ulama Mazhab Asy-Syafi'i, fidyah atau dam itu tidak sah dikeluarkan untuk orang lain tanpa izin dan pengetahuannya, tidak kira sama ada tuannya itu masih hidup ataupun sudah mati. Bagaimanapun, sekiranya dia sudah diberi keizinan oleh tuannya, ataupun tuannya ada berwasiat sebelum dia mati, maka yang demikian itu adalah sah dan memadai.

Adapun sebab kenapa fidyah tidak harus dikeluarkan tanpa izin daripada tuannya, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menjelaskan :

Ertinya : "Kerana sesungguhnya fidyah itu menyerupai kaffarah, dan kerana



sesungguhnya ia merupakan suatu qurbah (dikerjakan bagi mendekatkan diri kepada Allah) yang diwajibkan atas sebab ibadat.."

Tambahan lagi, fidyah atau dam merupakan sejenis *ibadah maliyyah* (ibadat harta) sepertimana juga zakat, yang tidak harus dikeluarkan tanpa berniat. Sekiranya seseorang mengeluarkan fidyah atau dam tanpa pengetahuan serta tanpa izin orang yang wajib atasnya fidyah atau dam itu, maka dengan sendirinya orang yang wajib atasnya fidyah atau dam itu tidak berniat ketika fidyah atau damnya dibayar oleh orang lain kerana fidyah atau dam itu dikeluarkan untuk dirinya tanpa pengetahuan atau izinnya. Sedangkan niat itu adalah salah satu rukun ibadah.

Syeikh Syihab ad-Din ar-Ramli *Rahimahullah* ketika ditanyakan tentang pensyaratan niat ketika membayar fidyah berkata :

Ertinya : "Bahawa mestilah dia berniat (ketika mengeluarkan fidyah) kerana fidyah adalah ibadah maliyyah sepertimana juga zakat dan kaffarah..."

Demikian penjelasan mengenai permasalahan membayarkan fidyah atau dam bagi pihak orang lain. Jelasnya, fidyah atau dam itu jika dikeluarkan untuk seseorang dengan izin serta pengetahuannya, ataupun atas wasiatnya, maka ia sah dan memadai. Bagaimanapun, sekiranya ia dikeluarkan tanpa izin dan pengetahuannya, atau tanpa wasiatnya, maka ia tidak sah dan tidak memadai. Ini kerana fidyah atau dam itu adalah perkara ibadat yang tidak sah dilakukan untuk orang lain tanpa izin atau wasiatnya. Tambahan lagi, ia tidak selari dengan pensyariatian berniat dalam perkara *ibadah maliyyah*. Ini kerana dalam melakukan *ibadah maliyyah*, seseorang itu hendaklah berniat ketika mengerjakannya. Ini tidak mungkin berlaku sekiranya fidyah atau dam itu dikeluarkan oleh orang lain tanpa pengetahuan atau izinnya.

Indahnya bersilaturahmi

BERSILATURAHIM adalah kunci terbukanya rahmat dan pertolongan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan bersilaturahmi, maka ukhuwah Islamiyah akan terjalin dengan baik dan mantap.

Silaturahmi bukan hanya sekadar bersentuhan tangan atau memohon maaf sahaja. Sesuatu yang lebih dari itu, iaitu aspek mental dan keikhlasan hati. Sesuai dengan pengertian silaturahmi itu sendiri, iaitu sila, yang berarti menyambung atau menghimpun, dan ar-rahim yang berarti kasih sayang.

Hadits riwayat Imam al-Bukhari, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Yang disebut bersilaturahmi itu bukanlah seseorang yang membalas kunjungan atau pemberian, melainkan bersilaturahmi itu ialah menyambungkan apa yang telah putus."

Kita melakukan kunjungan mungkin kerana merasa malu atau berhutang budi kepada orang tersebut. Namun mengunjungi seseorang yang tidak pernah mengunjungi kita walau harus menempuh jarak yang jauh dan memenatkan, maka inilah yang disebut silaturahmi.

Apalagi jika kita bersilaturahmi kepada

orang yang membenci kita dan sangat menghindari pertemuan dengan kita, namun dengan semangat kuat dan sedaya upaya untuk bertemu dengannya. Inilah silaturahmi yang sebenarnya.

Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :

"Barang siapa yang ingin dipanjangkan umurnya dan diluaskan rezekinya, hendaklah ia menyambungkan tali silaturahmi."

Silaturahmi merupakan bahagian dari syariat. Allah Subhanahu Wata'ala memerintahkan hamba-Nya berbuat baik pada kaum kerabat, saudara mara, jiran tetangga dan sahabat handai, seperti firman-Nya dalam Surah an-Nisa ayat 36, tafsirnya :

"Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekutukan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanan (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak


mnyukai orang yang sombong dan membangga-banggakan diri."

Silaturahmi merupakan ibadat yang sangat agung, mudah dan membawa keberkatan, menyempurnakan rasa cinta dan interaksi antara anggota keluarga, membuktikan kedermawanan, kemuliaan serta ketinggian akhlak seseorang. Ia menjadi kunci kekuatan keluarga Muslim dalam menghadapi arus budaya individualis yang berusaha memecah belah umat Islam.

Seseorang yang memutus silaturahmi tidak termasuk dalam golongan yang beriman kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan hari akhirat. Seperti firman-Nya dalam Surah ar-Rad ayat 25, tafsirnya :

"Orang-orang yang melanggar perjanjian Allah selepas perjanjian itu diperteguhkan (diikrarkan) dan memutuskan apa yang diperintahkan oleh Allah supaya dihubungkan (silaturahmi) dan mereka juga melakukan kerosakan di bumi, mereka itulah yang mendapat laknat dan bagi mereka seburuk-buruk tempat kediaman di akhirat (neraka)."

Sementara itu, dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya :



"Tidak akan masuk syurga orang yang memutus hubungan silaturahmi."

Hubungan yang terputus perlu disambung secepatnya. Bersilaturahmi dengan kunjungan berkesinambungan antara satu sama lain dengan penuh kasih sayang, bertanya khabar, berlemah lembut dan dengan wajah berseri agar pahala dan rahmat yang besar kita peroleh dari Allah Subhanahu Wata'ala. Kita juga disarankan agar selalu menjaga hubungan baik sesama kita, memenuhi setiap undangan, memaafkan kesalahan walaupun terlalu besar kesalahan yang dilakukannya.

Silaturahmi menyebabkan seorang hamba tidak akan putus hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat dan akan di tempatkan ke dalam syurga.

Syahdu di Aidilfitri

Rencana dan Foto :
Hezlinawati Haji Abdul Karim

BEGITULAH takdir Sang Pencipta. Kita insan biasa tidak akan dapat menolaknya. Sebagai manusia, kita hanya mampu merancang, tapi Tuhan jualah yang menentukan hidup matinya setiap insan di dunia ini. Oleh itu bagi mereka yang kehilangan orang yang dikasihi seperti ibu atau bapa, maka merayakan Aidilfitri tanpa insan-insan ini merupakan saat yang paling sukar dilalui. Namun yang demikian, janganlah kita terlalu larut dengan kepiluan ataupun tenggelam dalam kedukaan mengenang mereka yang telah tiada.

PEMERGIANNYA tanpa dirancang, kehilangannya tidak terdugakan, setelah ketiadaannya, memang begitu terasa kehilangannya. Aidilfitri merupakan bulan kemenangan bagi setiap umat Islam setelah berjaya melawan semua dugaan di sepanjang bulan Ramadan. Bulan untuk bersuka ria. Namun ada segelintir umat Islam



KEHILANGAN orang tersayang memang mendatangkan kesyahduan di Aidilfitri.

yang menyambut kedatangan Aidilfitri ini dengan hati yang sedih dan pilu kerana terpaksa meraikan Hari Raya tanpa insan tersayang.

Begitulah perasaan yang dialami oleh Dayang Nurhamizah binti Hanafi berusia 15 tahun anak keempat daripada tujuh adik-beradik. Pemergian ayahnya pada 2 tahun lalu meninggalkan perasaan sedih tidak terhingga yang setentunya akan dirasakan sampai bila-bila apatah lagi dengan tibanya Aidilfitri ini. Katanya, sejak ketiadaan ayahnya, ketibaan Syawal akan menjadikan perasaan mereka semakin sedih mengenangkan insan yang paling mereka sayangi kini telah tiada.

"Walaupun ayah sudah tidak ada, tapi kami adik-beradik akan terus berusaha untuk belajar bersungguh-sungguh dan mencapai kejayaan sepertimana yang arwah mahukan," ujarnya.

Setiap kali mengenang arwah ayahnya, beliau dan adik-adik akan menyedekahkan Surah Al-Fatihah dan Surah Yaa Siin dan berazam akan memikul tanggungjawab sebagai anak sulung dengan membantu ibunya dan adik-adiknya sepertimana yang selalu dipesankan oleh arwah ayahnya ketika masih hidup.

INILAH keluarga Dayang Nurhamizah binti Hanafi bersama ibu dan adik-beradiknya.



Perasaan yang sama juga dirasakan oleh Dayang Kertinawati binti Haji Hitam apabila ibu tercinta telah dijemput Ilahi pada pertengahan Ramadan yang baru lalu. Tahun ini merupakan kali pertama beliau merayakan Aidilfitri tanpa mencium tangan seorang insan bergelar ibu setelah pemergian ayahnya pada tahun 2004.

"Aidilfitri tahun ini memang kurang menyeronokkan apatahlah kepergian arwah masih segar dalam ingatan kami. Namun sebagai hamba Allah saya menganggap semua itu sebagai ujian daripada-Nya dan menerimanya dengan reda," katanya.

Senyum manis si ibu ketika menyambut kunjungan berhari raya dari anak-anak serta cucu cicitnya masih segar diingatan. Masih terbayang-bayangnya di matanya wajah ibu tua berusia lewat 85 tahun yang tidak lekang dengan senyuman sambil melayan tamu yang berkunjung berhari raya. Kini, kunjungan ke rumah ibunya itu tidak lagi disambut dengan senyuman manisnya, malah kunjungan berhari raya akan menggamit memori indah yang akhirnya akan menjadikan suasana sebak dan mengharukan bila mengenangkan semua kenangan bersamanya.

Sememangnya hari kemenangan umat Islam akan terasa hambar tanpa senyum manis dan kasih sayang si ibu atau pun si ayah di pagi Syawal. Kini hanya pusara mereka saja yang dapat diziarahi sambil memanjatkan doa agar kedua ibu bapa di tempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Begitulah takdir Sang Pencipta. Kita insan biasa tidak akan dapat menolaknya. Sebagai manusia, kita hanya mampu merancang, tetapi Tuhan jualah yang menentukan hidup matinya setiap insan di dunia ini. Oleh itu, bagi mereka yang kehilangan orang yang dikasihi seperti ibu atau bapa, maka merayakan Aidilfitri tanpa insan-insan ini merupakan saat yang paling sukar dilalui. Namun yang demikian, janganlah kita terlalu larut dengan kepiluan ataupun tenggelam dalam kedukaan mengenang mereka yang telah tiada.

Akan bertemukah kita nanti pada lebaran yang akan datang?

Al-Fatihah kepada mereka yang terlebih dahulu bertemu Sang Pencipta. Semoga roh mereka ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta para syuhada.

GAMBAR kenang-kenangan, Dayang Kertinawati binti Haji Hitam bersama arwah ibunya serta ahli keluarga yang lain.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**PENDAFTARAN BAKAL
PEGAWAI KADET LELAKI DAN WANITA
PENGAMBILAN PEGAWAI KADET
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
SIRI 02/2017**

PENDAFTARAN kini dibukakan bagi pemohon yang berminat untuk menceburi Kerjaya Tentera sebagai Bakal Pegawai Kadet Lelaki dan Wanita Pengambilan Pegawai Kadet Angkatan Bersenjata Diraja Brunei siri 02/2017 berpandukan kepada syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan bermula pada 10 Julai 2017 sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi

Pejabat Pengambilan ABDB
Jabatanarah Keanggotaan
B 11, Tingkat 2, Simpang 32-66
Flat Anggerek Desa

Tel : +673 2383073 / +673 2383074 / +673 2383075

Atau layari laman sesawang :

[http : //www.mindef.gov.bn](http://www.mindef.gov.bn)

E-mel : FRO@mindef.gov.bn



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar dalam pendaftaran kontraktor dan pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (kelas I dan II, sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17 atau kategori Elektrikal (E01, M03, Kp04, KA01).

Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (sealed) ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1:

To Supply And Install Led Display On Existing Follow Me Vehicles At Brunei International Airport

Bilangan Tawaran : AME / 2017 - 2018 / SH - 31/S

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran :

**Tidak lewat jam 2.00 Petang,
18 Julai 2017, Selasa.**

Tarikh tutup tawaran :

Hingga Jam 2.00 Petang, 19 Julai 2017, Rabu.

Kepada :

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a. Tingkat Bawah Bahagian Kewangan
Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Perhubungan
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang :

<http://www.civilaviation.gov.bn>

Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperolehi dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar yuran tawaran sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
dan
1.45 petang hingga 3.30 petang
Sabtu :
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**

Sesi taklimat tawaran (*briefing*) atau / dan lawatan tapak (*site visit*) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut :

**13 Julai 2017 (Khamis)
8.00 Pagi hingga 11.00 Tengah Hari atau
1.45 Petang hingga 3.30 Petang**

Tempat Berkumpul :

**Dewan Serbaguna Bangunan Pengurusan dan
Kejuruteraan Pemeliharaan Aset (AME) Jabatan Penerbangan Awam.**



IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 57/7/17 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 12 JULAI 2017

TARIKH TUTUP: 26 JULAI 2017

1. PENOLONG PEGAWAI BALAI

P.4

BAHAGIAN IV

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

KEKOSONGAN: ENAM BELAS (16)

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Announcement* di www.recruitment.gov.bn

HELPLINE:



TALIAN DARUSSALAM 123



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN
SEBUT HARGA :**

**1. PERKHIDMATAN
PEMBERSIHAN BERKONTRAK
SELAMA SATU (1) TAHUN
DIBANGUNAN RUMAH API
LUMUT, KUALA BELAIT
Bilangan Sebut Harga :
004 / JL / SH / 2017 / 2018**

**2. 1 YEAR TERM OF CONTRACT
FOR CLEANING SERVICE
AT MARINE DEPARTMENT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Bilangan Sebut Harga :
005 / JL / SH / 2017 / 2018**

**3. PERKHIDMATAN
PEMBUANGAN SAMPAH
BERKONTRAK SELAMA SETAHUN
DI BANGUNAN JABATAN LAUT
Bilangan Sebut Harga :
003 / JL / SH / 2017 / 2018**

**Tarikh Tutup : 19 Julai 2017 /
jam 2.00 Petang**

Syarat-Syarat Tawaran Sebut Harga :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong / syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.

2. Keterangan skop kerja berkenaan bolehlah diambil semasa waktu bekerja dari jam 8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi dan Sabtu, 8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Jalan Serasa, Muara, BT1728, Negara Brunei Darussalam.

Dokumen berkenaan bolehlah diambil bermula pada **3 Julai 2017**. Yuran sebanyak **BND5.00** dikenakan bagi setiap sebut harga.

3. Sebut Harga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) tanpa menyatakan nama pemborong yang bertanda **'TAJUK-TAJUK TAWARAN'** di bahagian atas sebelah kiri dan dihantar ke alamat berikut :

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA
JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
KAWASAN PERINDUSTRIAN
SERASA, MUARA, BT1728
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

5. Sampul surat hendaklah dimasukkan ke dalam Kotak Sebut Harga, Tingkat Bawah, Kaunter Penyambut Tetamu, Jabatan Laut. Semua tawaran hendaklah sampai ke alamat yang dinyatakan.

6. Pemborong yang berjaya akan menjalankan kerja-kerja berkenaan dalam tempoh seperti yang di dalam skop kerja berkenaan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima sebarang tawaran yang tertinggi atau apa-apa jua bentuk tawaran.

8. Syarikat-syarikat hendaklah menyertakan dokumen-dokumen berikut dengan lengkap yang berdaftar dan masih sah di Negara Brunei Darussalam :

**i. Lesen Perniagaan 16 / 17;
ii. Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal dari Kementerian Pembangunan;
iii. Daftar Pemilik Syarikat (Borang X).**

9. Syarikat-syarikat yang ikut serta adalah dikehendaki untuk menetapkan **tempoh sah laku** selama enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran.

10. Sebarang pertanyaan dan penerangan lanjut bolehlah menghubungi melalui talian **+673 2771347 sambungan 270.**



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (04-2017)
TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /
PERKAKAS KEGIATAN DARAT
BAGI MENGENDALIKAN
KEGIATAN / AKTIVITI DI
OUTWARD BOUND BRUNEI
DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (05-2017)
TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /
PERKAKAS KEGIATAN AIR BAGI
MENGENDALIKAN KEGIATAN /
AKTIVITI DI OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

BILANGAN TAWARAN :
KKBS / OBBD / F-004 (06-2017)
TAJUK TAWARAN :
MEMBEKAL PERALATAN /
PERKAKAS KESELAMATAN /
PPE (PERSONAL PROTECTIVE
EQUIPMENT) BAGI
MENGENDALIKAN KEGIATAN /
AKTIVITI DI OUTWARD BOUND
BRUNEI DARUSSALAM (OBBD)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

SYARAT-SYARAT DAN
SPEKIFIKASI TAWARAN

1. SEBUT HARGA ini adalah dibukakan kepada syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.

2. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di :

Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
TINGKAT 1
(LOBI / PENYAMBUT TETAMU)
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN
SIMPANG 336-17
JALAN KEBANGSAAN, BS8110
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Nama Penghutang - Sim Ai Kheng (BYIC No. 00-115699). **Alamat -** No. 5, Simpang 81, Kampong Kiarong, Bandar Seri Begawan, BE1518, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 218 Tahun 2001. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 68.00 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya -** Terakhir **Bila kena dibayar -** 17 Mei 2017. **Di mana kena bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : **8 Mei 2017**.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN TERAKHIR**

Nama Penghutang - Kamis bin Simpu @ Mohammad Kamis bin Abdullah (Army Card No. 04289). **Alamat -** Lot 5127, Simpang 166-64, Jln Pantai Sg Liang, Kuala Belait, KC1135, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 154 Tahun 2004. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya -** Terakhir **Bila kena dibayar -** 25 Mei 2017. **Di mana kena bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : **25 April 2017**.

**NOTIS MENGENAI
DIVIDEN TERAKHIR**

Nama Penghutang - Haji Noraslan bin Haji Damit / Haji Bakar (BYIC No. 00-277587). **Alamat -** No. 35, Simpang 46-12, Jln Kilugos, STKRJ Perpindahan Lumapas, BC 2315 Negara Brunei Darussalam **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan No. 121 Tahun 2008. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100 sen. **Pertama atau Terakhir atau selainnya -** Terakhir **Bila kena dibayar -** 20 Mei 2017. **Di mana kena bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh : **20 April 2017**.

**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

Bermaafan manifestasi Hari Raya UNISSA



ANTARA mahasiswa UNISSA yang hadir pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan konsep 'Open Booth' (Gerai Terbuka) yang disediakan oleh Fakulti-Fakulti dan Pusat-Pusat di UNISSA (kiri dan kanan).



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Kemeriahan Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih dirasakan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Kunjung-mengunjung serta bermaaf-maafan adalah merupakan manifestasi daripada sambutan Hari Raya Aidilfitri itu sendiri. Dalam sambutan Hari

Raya Aidilfitri itu juga bermacam aneka juadah dihidangkan untuk dinikmati oleh para tetamu.

Dalam kesempatan ini, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) tidak ketinggalan untuk sama-sama memeriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

dengan konsep 'Open Booth' (Gerai Terbuka) yang disediakan oleh Fakulti-Fakulti dan Pusat-Pusat di UNISSA.

Majlis berlangsung di Dewan Auditorium universiti berkenaan di Gadong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal yang seterusnya memulakan upacara

dengan mengunjungi setiap gerai yang disediakan.

Majlis sambutan adalah bertujuan untuk mempereratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan mahasiswa / mahasiswi itu sendiri dan juga para pensyarah dan pegawai serta kakitangan UNISSA. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memperkenalkan kepada pensyarah atau pelajar asing yang bertugas atau mengikuti pengajian di UNISSA tentang budaya Orang Brunei di dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Suasana Hari Raya UNISSA dimeriahkan lagi dengan cabutan bertuah dan pertandingan dekorasi booth tercantik di samping persembahan tausyeh dari mahasiswa UNISSA.

Pada tahun ini, booth tercantik dimenangi oleh gabungan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa dan Fakulti Usuluddin.

Majlis tersebut juga telah dihadiri oleh beberapa duta-duta dan wakil daripada Kedutaan Besar dan Perwakilan Asing di Negara Brunei Darussalam serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.

Empat produk ubat tradisional dicemari bahan terlarang

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak menggunakan empat produk ubat tradisional dan suplemen kesihatan yang mana hasil dari ujian makmal Perkhidmatan Makmal Farmasi, Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan telah mendapati bahawa produk-produk tersebut telah didapati dicemari dengan bahan racun berjadual dan ubat-ubatan barat yang tidak diisytiharkan.

Produk-produk berkenaan adalah *X-Stive Men 400M 400mg Capsule* yang dikilangkan oleh Stive Health Inc, U.S.A telah dicemari dengan Sildenafil; *Al-Barakah Ayam Selasih Pil* di bawah pengilang Kampung Gulau, Mukim Sok, Sik, Kedah didapati dicemari dengan *Dexamethasone*; produk *Pee Pa Wan Pill* dan *Slimming Booster Capsule 350mg* yang tidak dinyatakan nama pengilang masing-masing

telah dicemari dengan *Chlorpheniramine* dan *Sibutramine & Phenolphthalein*.

Bahan-bahan pencemar dalam produk-produk berkenaan boleh mengakibatkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan.

Sildenafil adalah ubat yang digunakan untuk merawat mati pucuk yang memerlukan preskripsi doktor. Antara kesan-kesan sampingan apabila memakan ubat-ubat tersebut ialah merasa mual, muntah-muntah, muka kemerahan dan pening. Dalam kes-kes yang teruk, ia juga boleh menyebabkan peningkatan yang luar biasa dalam degupan jantung, kehilangan pendengaran secara tiba-tiba dan sawan.

Penggunaan kortikosteroid *Dexamethasone* secara berpanjangan tanpa pengawasan boleh menyebabkan peningkatan pada paras glukosa dalam darah yang mengakibatkan kencing manis, tekanan darah tinggi,

katarak, penyakit otot dan tulang, serta meningkatkan risiko jangkitan yang teruk. Penggunaan kortikosteroid dalam jangka panjang juga boleh mengakibatkan *Cushing's syndrome* yang mana dicirikan dengan muka bulat atau *moon face*, serta kegemukan pada bahagian badan dengan anggota kaki dan tangan yang kecil. Pengguna yang telah mengambil dos steroid yang tinggi dalam tempoh masa yang lama mungkin mengalami gejala yang termasuk keletihan, sakit otot dan sendi, demam, kadar gula dalam darah rendah, tekanan darah rendah dan dehidrasi.

Pening, tekanan darah menurun, denyutan jantung yang tidak menentu, kekeliruan, kemurungan dan sawan adalah antara kesan-kesan *advers* yang boleh terhasil dari penggunaan *Chlorpheniramine* tanpa pengawasan.

Sibutramine adalah agen pelangsing badan yang tidak lagi disarankan penggunaannya dalam rawatan obesiti kerana kesannya yang boleh memudaratkan jantung dan hati. Pengambilan *sibutramine* juga boleh menyebabkan kesan *advers* yang serius seperti tekanan darah tinggi, denyutan jantung yang tidak menentu dan sukar untuk tidur; dan dalam kes-kes yang paling teruk, ia boleh menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan hati.

Manakala itu, penggunaan berpanjangan dan berlebihan bahan, *Penolphthalein* boleh menyebabkan cirit-birit dengan kehilangan air dan elektrolit yang berlebihan serta juga kemungkinan berlaku kegagalan atonic kolon, masalah pernafasan dan jantung, kerosakan renal serta kesan-kesan sensitiviti kuat yang dilaporkan dengan penggunaan bahan berkenaan.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan bagi penjualan produk-produk tersebut. Berikutan dapatan ini, produk-



X-STIVE Men 400M 400mg Capsule.



AL-BARAKAH Ayam Selasih Pil.



PEE Pa Wan Pill.



SLIMMING Booster Capsule 350mg.

produk berkenaan adalah dilarang untuk diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang telah membeli atau memakan produk-produk tersebut adalah dinasihatkan untuk memberhentikan pengambilannya dengan serta merta. Jika mereka mengalami kesan *advers* dan merasa tidak sihat selepas memakan produk-produk berkenaan, hendaklah berjumpa doktor dengan segera.

Orang ramai yang terlibat dalam penjualan produk-produk tersebut (termasuk penjualan secara *online* seperti melalui Facebook dan sebagainya) adalah diingatkan bahawa ia adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Racun 1956 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah Akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND8,000 atau penjara enam bulan, jika didapati bersalah. Tambahan pula, jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang

membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND16,000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama dari orang ramai untuk melaporkan kepada Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan jika mendapati produk-produk berkenaan masih dipasarkan di negara ini.

Untuk maklumat lanjut dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan melalui talian telefon 2384182, menghantar e-mel kepada health.regulations@moh.gov.bn atau berjumpa terus Pegawai Penguatkuasaan di Perkhidmatan Peraturan-Peraturan Kesihatan, Tingkat 1, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam.

Penutup Kursus Ibadat Haji, 14 Julai ini

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan kepada bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan fardu haji bagi musim haji Tahun 1438 Hijrah / 2017 Masihi bahawa Majlis Penutup Kursus Ibadat Haji dan Doa Selamat bagi Bakal-Bakal Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada hari Jumaat, 20 Syawal 1438H bersamaan dengan 14 Julai 2017M.

Majlis tersebut akan diadakan di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas bermula jam 7.30 pagi.

Sehubungan itu, semua bakal jemaah haji yang telah terpilih untuk menunaikan ibadat haji tahun ini adalah dikehendaki untuk hadir bagi mengikuti majlis tersebut.

Kunjungan raya erat silaturahmi



KUNJUNGAN Hari Raya dari Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh.

Berita dan Foto :

Ihsan Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Semangat kunjung-mengunjungi di bulan Syawal ini masih diteruskan oleh

pelbagai pihak. Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh juga tidak melepaskan peluang untuk mengadakan kunjungan Hari Raya ke kediaman Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid dan rumah Penasihat AJK Takmir Masjid pada 9 Julai yang lalu.

Terdahulu, AJK Takmir mengunjungi kediaman Penasihat AJK Takmir Masjid berkenaan, Pengiran Dato Paduka Haji Zaini

bin Pengiran Haji Kamaluddin dan seterusnya kediaman Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisyam bin Haji Masri sebaik sahaja selesai Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah di Masjid Kampung Sungai Buloh.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid / Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Buloh, Awang Haji Khairul Amilin bin Haji Salleh Mohamad, selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir. Turut serta dalam kunjungan ini, Imam Masjid Kampung Sungai Buloh, Pengiran Haji Muhd Lizam bin Pengiran Haji Merali; Penolong Pengerusi AJK Takmir, Awang Haji Adanaan bin Haji Lamat serta Ketua Kampung Sungai Buloh, Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, jemaah masjid serta isteri-isteri AJK Takmir Masjid Kampung Sungai Buloh seramai lebih kurang 40 orang.

Pengiran Haji Muhd Lizam dalam ucapannya menjelaskan tujuan kunjungan ini adalah bagi mengeratkan silaturahmi serta merapatkan lagi kemesraan dalam kalangan Jawatankuasa Takmir bersama Penasihat AJK Takmir Masjid dan Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Sambutan Aidilfitri Persatuan OKP Kebangsaan



MAJLIS Sambutan Hari Raya Bersama Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam.

Berita dan Foto : Ihsan Faridah Haji Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri terus diraikan oleh semua lapisan masyarakat di negara ini.

Majlis Sambutan Hari Raya Bersama Persatuan OKP (Orang Kurang Pendengaran) Kebangsaan Brunei Darussalam telah diadakan kelmarin, di Kafe Belia, Pusat Belia, di sini.

Kira-kira 80 Ahli Persatuan

OKP dan Ahli Tertinggi, ibu bapa juga keluarga Ahli-ahli OKP dari keempat-empat daerah menghadiri majlis tersebut.

Hadir sama ialah Yang Di-Pertua (YDP) Persatuan OKP Kebangsaan Brunei Darussalam, Awang Muhammad Nur Az'wan bin Haji Aziz dan mantan YDP, Awang Haji Abdul Hakim bin Haji Mohd. Yassin dan mantan Timbalan YDP, Dayang Hajah

Ja'aranah binti Haji Talip.

Ia dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan Doa Selamat.

Majlis diraikan dengan konsep rumah terbuka, di samping dimeriahkan dengan cabutan hadiah bertuah yang telah disumbangkan oleh ahli-ahli dan para dermawan.

Ini adalah kali keenam Persatuan OKP mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya dan menjadi tradisi bagi ahli-ahlinya pada setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri.

DST - Ericsson bekerjasama bagi sistem pengecasan dalam talian baharu

Siaran Akhbar :
DST Sendirian Berhad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - DST di Brunei telah memberikan kontrak kepada Ericsson bagi sistem pengecasan dalam talian yang baharu untuk melancarkan perkhidmatan peribadi bagi pelanggan prabayar.

Sistem Pengecasan Ericsson akan menjadi platform biasa bagi seluruh pengurusan perkhidmatan 2G, 3G dan 4G prabayar DST.

Sistem ini sebagai contoh memberikan akses pelanggan prabayar kepada masa sebenar maklumat mengenai penggunaan perkhidmatan dan secara automatik mengedarkan notifikasi pada promosi.

Ericsson (NASDAQ: ERIC) akan memodenkan sistem sokongan pengisian dan perniagaan DST di Brunei dan membolehkan pengendali melancarkan perkhidmatan peribadi dan inovatif dengan pantas bagi para pelanggan prabayarnya dengan mempunyai akses kepada maklumat masa sebenar tentang penggunaan perkhidmatan, notifikasi automatik pada promosi dan pelbagai tawaran peribadi.

Sistem Pengisian Ericsson menggantikan infrastruktur pengisian semasa DST yang membolehkan operator menawarkan perkhidmatan 2G, 3G dan 4G, dan mempromosikan pertumbuhan teknologi baharu

untuk perkhidmatan tempatan dan perayauan. Para pelanggan prabayar akan dapat mendaftar untuk perkhidmatan baru yang sepadan dengan gaya hidup individu dan keperluan mereka.

Ketua Ericsson Singapura, Brunei, Filipina dan Kepulauan Pasifik, Martin Wiktorin berkata, "Kejayaan pelanggan kami adalah kejayaan kami."

Ujarnya lagi, "Ericsson bekerjasama dengan DST dengan kepimpinan dan kepakaran teknologi kami, untuk membantu DST mencapai matlamat mereka dalam segi transformasi digital, dan untuk memastikan infrastruktur mereka fleksibel dan berjaya dalam pasaran yang pesat berkembang ini."

Beliau juga menjelaskan infrastruktur baharu yang terkini akan membolehkan DST dan pelanggannya memulakan gelombang digital, membuka jalan untuk Ekonomi Digital Brunei.

Sistem Pengisian Ericsson adalah pemenang anugerah sistem pengecasan dalam talian berskala dan fleksibel yang lebih tertumpu kepada pengalaman pengguna. Kepimpinan Ericsson dalam pengisian masa sebenar disokong oleh pelaksanaan lebih daripada 200 pelanggan yang menguruskan sekitar 2.1 bilion pengguna di seluruh dunia.

Penyertaan Musabqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa dibuka

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei dan Muara, Tutong, Belait dan Temburong akan mengendalikan Musabqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa untuk pemilihan awal bagi mencari wakil qari dan qariah yang akan mewakili negara ke peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Malaysia.

Syarat kelayakan bagi menyertai musabqah tersebut hendaklah rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (pemegang Kad Pengenalan warna kuning), beragama Islam, bermazhab Syafi'e aliran Ahli Sunnah Waljamaah serta berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 40 tahun semasa mendaftar.

Pemilihan awal peringkat masjid akan diadakan bermula pada 21 hingga 31 Ogos 2017 bertempat di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara.

Sehubungan dengan itu, borang-borang penyertaan telah mula

diedarkan pada 8 Julai 2017 sehingga 17 Ogos 2017 dan boleh diperolehi di Bahagian Imarah Jabatan Hal Ehwal Masjid, Simpang 15, Kampung Sumbiling atau di Pejabat-Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Brunei Muara, Belait, Tutong dan Temburong.

Borang yang telah lengkap hendaklah dihantar tidak lewat pada hari Khamis, 17 Ogos 2017 Masihi jam 4.00 petang.

Maklumat lanjut mengenainya bolehlah berhubung terus kepada Setiausaha Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Zon dan Daerah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Azmi bin Haji Abidin melalui talian +673 2223277 iaitu semasa waktu pejabat atau menghubungi talian +673 8766087.

6 pelajar sertai program Sains di Hanoi



SEROMBONGAN lapan orang terdiri daripada dua Pegawai Pelajaran selaku Guru Pengawas dan enam pelajar telah berlepas ke Hanoi Viet Nam bagi mewakili negara menyertai The 6th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APTJSO).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Serombongan lapan orang terdiri daripada dua Pegawai Pelajaran selaku Guru Pengawas dan enam pelajar telah berlepas ke Hanoi, Viet Nam bagi mewakili negara menyertai The 6th ASEAN Plus Three Junior Science Odyssey (APTJSO).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) bagi mengucapkan selamat belayar ialah Pemangku Ketua Unit Pendidikan Khas (UPK), Awang Ali Yusri bin Abdul Ghafor.

Menurut Pegawai Pelajaran selaku Guru Pengawas, Awang Is'sardi bin Awang Nasar ketika ditemui Pelita Brunei, para pelajar tersebut akan dibahagikan pada dua kumpulan, iaitu Kumpulan 'A' dan Kumpulan 'B' juga disatukan bersama penuntut dari negara lain, di mana mereka perlu melakukan beberapa cabaran serta ujian seperti persembahan poster dan penilaian kemahiran makmal. "Para pelajar yang menyertai

program ini adalah mereka yang terpilih dan mempunyai bakat serta kelebihan yang tersendiri terutama sekali dalam bidang sains dan mereka yang menuntut di antara Tahun 8 hingga Tahun 10 di bawah UPK," jelasnya.

Program tersebut tegasnya, diharap dapat menambah pengalaman dan pengetahuan para pelajar agar satu masa nanti mereka akan dapat menyumbangkan buah fikiran, kepakaran dan kemahiran yang dapat diguna pakai pada negara.

Beliau juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi peluang seumpama ini dan menerapkan kepercayaan kepada seluruh delegasi untuk sama-sama menyertai APTJSO pada kali ini.

Mewakili Kumpulan 'A' ialah

Dayang Ummi Salmah binti Haji Mohammad Firdaus dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan; Awang Abu Yazid bin Mohammed Fadzillah dari Sekolah Menengah Lambak Kiri dan Dayang Sharifah Yura Mona Mas Rahayu binti Abdullah Yura Ulmateen dari Sekolah St. Margaret's.

Manakala Kumpulan 'B' diwakili oleh Awang Muhammad Hafiz Muizzuddin @ Abu Bakar Al'Ali bin Haji Hishamuddin dari Sekolah St. Andrew's; Soo Jun Shan dari Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar dan Dayang Siti Aisyah binti Haji Abd. Jalal dari Sekolah Antarabangsa Jerudong bersama Pegawai Pelajaran selaku Guru Pengawas rombongan Dayang Nurul Faizah binti Ya'akub.

APTJSO adalah anjuran Kementerian Sains dan Teknologi, Viet Nam yang bertemakan 'Renewable Energy For Life' dan akan berlangsung di FPT University, Hoa Lac High-Tech Park, Hanoi selama lima hari.

Borang PKBN Pengambilan Ke-7 kini diedarkan

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) memaklumkan bahawa Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN), Pengambilan Ke-7 dijangka akan bermula pada Ahad, 3 Disember 2017 hingga Khamis 15 Mac 2018.

Dalam perkara tersebut, syarat penyertaan bagi latihan PKBN adalah : Pemohon adalah Warganegara Brunei atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam; terbuka kepada lelaki dan perempuan yang berumur di antara 16 hingga 21 tahun; tidak terikat dengan sebarang persekolahan atau pun pekerjaan sepanjang jangka waktu latihan dan lulus pemeriksaan kesihatan.

Borang Pendaftaran PKBN mula diedarkan pada Isnin, 10 Julai 2017 dan ditutup pada Sabtu, 14 Oktober 2017.

Menurut Siaran Akhbar KKBS, borang pendaftaran boleh diperoleh semasa waktu bekerja di Ibu Pejabat BKBN (Blok B18, Simpang 32-15, Flat Kerajaan Anggrek Desa); Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah Tutong; Belait dan Temburong serta Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan (Blok 2J, Kondominium Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan).

Para calon pelatih adalah dikehendaki untuk membawa sendiri borang pendaftaran mereka ke rumah sakit atau pusat kesihatan di daerah / kawasan masing-masing bagi proses pemeriksaan kesihatan yang diperlukan.

Borang yang telah dilengkapkan termasuk pengesahan kesihatan oleh Pegawai Perubatan hendaklah dikembalikan dengan segeranya ke Ibu Pejabat BKBN atau melalui Cawangan Daerah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) atau melalui Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Untuk sebarang pertanyaan atau pun urusan penyelarasan selanjutnya, sila berhubung terus ke Urusetia BKBN melalui talian telefon : +673 2340033 / +673 2340045.

Taklimat hayati bendera negara

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

SERIA, Isnin, 10 Julai. - Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Belait mengadakan Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera

dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Dewan Maktab Anthony Abell. Taklimat disampaikan oleh



SEBAHAGIAN daripada 140 penuntut yang hadir pada Taklimat Kenegaraan 'Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam' bertempat di Dewan Maktab Anthony Abell.

Pegawai Penerangan, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Dalam taklimat tersebut, Awang Mohammad Hisyam antara lain menyentuh mengenai tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Penuntut-penuntut telah menyaksikan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara'.

Selain itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan Pegawai Luar Penerangan, Awang Rafae bin Yaakub.

Menerusi temu bual Pelita Brunei bersama Ketua Guru Ugama Maktab Anthony Abell, Dayang Hiriani binti Awang Tahir berkata, "Pendedahan tentang tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan menghayati Lagu Kebangsaan dengan terperinci adalah sangat penting."



KETUA Guru Ugama Maktab Anthony Abell, Dayang Hiriani Awang Tahir ... Menghayati lagu kebangsaan dan mengetahui akan pentingnya bendera negara patut didedahkan kepada semua lapisan masyarakat.



PENUNTUT Tahun 7D, Awang Mohd Azizan bin Tajul Ariffin ... Taklimat yang disampaikan sangat menarik serta dapat menambah pengetahuannya dan akan berkongsi ilmu kepada adik-beradik serta sepupunya.

Katanya lagi, pendedahan itu bukan sahaja didedahkan pada peringkat pelajar menengah, malah sangat penting untuk pelajar peringkat rendah kerana ramai pelajar yang tidak tahu mengenainya.

Seterusnya beliau menambah menghayati lagu kebangsaan dan mengetahui akan pentingnya bendera negara patut didedahkan kepada semua lapisan masyarakat terutama orang ramai.

Sementara itu, menurut seorang penuntut Tahun 7D, Awang Mohd. Azizan bin Tajul Ariffin, berpeluang taklimat yang disampaikan sangat menarik serta dapat menambah pengetahuannya dan akan berkongsi ilmu kepada

adik-beradik serta sepupunya, di mana sebelum ini beliau tidak mengetahui mengenainya.

Program berkenaan dihadiri oleh Pengetua Maktab Anthony Abell, Dayang Masdiana binti Abdul Samat, tenaga-tenaga pengajar maktab dan disertai seramai 140 penuntut tahun 7 dari maktab berkenaan.

Para pelajar yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan juga menerima hadiah masing-masing.

Program itu merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai semangat patriotisme para pelajar untuk menghormati serta menjiwai lagu kebangsaan dan bendera negara.

Pemenang Minda Pembaca!



Tanamkan semangat kenegaraan dalam jiwa masyarakat

PADA era globalisasi ini, usaha meningkatkan semangat kenegaraan merupakan prasyarat penting untuk memajukan ketamadunan sesebuah negara bangsa. Oleh itu, semangat kenegaraan yang mantap dapat memberi impak positif terhadap pembangunan negara. Sehubungan dengan itu, pelbagai usaha telah diambil oleh pelbagai pihak namun usaha tersebut tidak seratus peratus berjaya kerana kurangnya kerjasama oleh sesetengah pihak. Pada hakikatnya, terdapat beberapa cara bagi meningkatkan semangat kenegaraan dan jiwa

kemasyarakatan. Antara usaha utama untuk meningkatkan semangat kenegaraan dan jiwa kemasyarakatan ialah mengambil perhatian sepenuhnya dalam pendidikan agama Islam terhadap belia-belia. Hal ini kerana, pendidikan agama Islam yang kukuh sudah tentu tidak terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Impaknya, belia yang mempunyai iman yang kuat dapat mengelakkan daripada berlakunya keruntuhan akhlak seterusnya masyarakat akan bersatu teguh. Buktinya, kebanyakan belia-belia yang berpendidikan agama

Islam dapat mentadbir kehidupan dengan sempurna dengan menanamkan semangat kenegaraan dan jiwa kemasyarakatan. Jelaslah bahawa belia-belia yang berpendidikan agama Islam dapat menanamkan semangat kenegaraan dan jiwa kemasyarakatan.

Seterusnya, masa ini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) tidak ketinggalan turut menjalin kerjasama menanamkan semangat kenegaraan dan jiwa kemasyarakatan agar dapat mempertahankan keamanan negara. Hal ini kerana ABDB sentiasa meningkatkan semangat patriotik apabila sering terjadi pergolakan-pergolakan luar yang sering menggegarkan keselamatan. Oleh itu, ABDB hendaklah sentiasa waspada kejadian-kejadian di luar dugaan yang berlaku di dalam negara mahupun di luar negara.

Sebagai kesimpulan, seluruh pihak hendaklah memperkukuhkan semangat cintakan negara sambil menjaga imej dan nama Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, setiap jenayah yang melanggar undang-undang dan disiplin hendaklah diambil berat walau sekecil manapun. Jika tidak, ia akan menjadi 'duri dalam daging' kepada negara kita sendiri. Harapan kita agar semua peringkat bertanggungjawab untuk menanamkan semangat kenegaraan dan jiwa kemasyarakatan.

Nama: Muhammad Mirwan
@ Muhammad Abbasy Bin Mohammad Ismail
No. K/P : 01-085740
Alamat : No. 27 Simpang 806 BF2720
 Kampung Jangsak Jalan Gadong Negara Brunei Darussalam.

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Jangan Abaikan Keluarga Kerana Dadah'. Tarikh Tutup : 12 Julai 2017
2. 'Harga Air Sebagai Sumber Kehidupan'. Tarikh Tutup : 19 Julai 2017
3. 'Perkembangkan Sektor Pertanian Dalam Memajukan Negara'. Tarikh Tutup : 26 Julai 2017

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan 15 hingga 25 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

Sidang Pengarang, Minda Pembaca
 Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
 Lapangan Terbang Lama, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Negara Brunei Darussalam.
 atau melalui
 E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

4. Penyertaan terbaik akan disiarkan dalam Akhbar Rasmi Kerajaan PELITA BRUNEI dan pemenang akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND75.00.

Tunggu apa lagi... Hantarkan pendapat awda sekarang e-mel ke: pelita.brunei@information.gov.bn

DSP United tundukkan Tunas FC

Oleh : Wan Mohamad Sahran
 Wan Ahmadi
 Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MUKIM SUNGAI KEBUN, Isnin, 10 Julai. - Padang bola Kompleks Sukan Sungai Kebun menyaksikan prestasi permainan DSP United yang semakin baik selepas menewaskan Tunas FC dengan keputusan 4-1.

Pada awal permainan, DSP United berjersi putih mula menguasai perlawanan sehingga menggegarkan gawang lawan berjersi merah pada minit pertama perlawanan menerusi Wiwat Matyama.

Strategi mereka seterusnya berhasil apabila Naasiruddeen Abd. Wahab menambah gol kedua pasukannya pada minit ke-12 selepas itu. Pertahanan Tunas FC yang agak kucar kacir akhirnya memberikan ruang DSP United membolosi satu gol menerusi sepakan jauh percuma daripada Awangku Md. Amirul Ikram Pengiran Haji Md. Ariffin.

Babak separuh masa kedua menyaksikan kedua-dua pasukan cuba mengasak pertahanan lawan masing-masing.

Walaupun demikian, Naasiruddeen sekali lagi



ANTARA aksi perlawanan di antara DSP United (jersi putih) menentang Tunas FC (jersi merah) di Padang bola Kompleks Sukan Sungai Kebun (atas dan kanan).

menghadiahkan gol keempat bagi pasukannya. Sebelum wisel penamat dibunyikan, Tunas FC akhirnya sempat membolos

gawang pertahanan lawan dengan gol tunggal mereka menerusi sepakan Abang Hazran Abang Hadzman hasil daripada

tendangan jauh Md Ari Saizul-fadhli Ariffin pada minit ke-86.

DSP United akan meneruskan

misi perlawanan Liga Perdana Brunei DST 2017 dengan menentang BSRC FT pada 16 Julai ini.

Jaga keterampilan dan budaya negara

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 Julai. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman telah mengadakan sesi perjumpaan bersama Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) bertempat di Dewan Utama Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

Turut hadir pada sesi perjumpaan tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh; Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Dayang Nadia Lee Siew Hoon binti Abdullah dan Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan.

Kontinjen MSSBD akan berlepas ke Republik Singapura bagi mengikuti Kejohanan Sekolah-Sekolah ASEAN Ke-9 yang akan bermula pada 14 hingga 20 Julai 2017.

Kontinjen MSSBD diketuai oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan yang juga selaku Chef de Mission.

Rombongan negara seramai 26 orang akan berlepas ke Singapura Khamis ini, 13 Julai 2017 yang terdiri daripada lapan pegawai bersama 18 atlet dan akan menyertai tiga acara sukan iaitu Ping Pong, Sepak Takraw dan Tenpin Boling.

Daripada 18 atlet berkenaan, sukan Ping Pong akan disertai oleh dua orang atlet yang akan bertanding dalam Kategori Individu dan Beregu, manakala empat atlet Tenpin Boling akan bertanding dalam Kategori Individu, Beregu dan Berpasukan manakala Sepak Takraw akan disertai oleh 12 atlet yang akan bertanding dalam Kategori Berpasukan, Inter Regu dan Beregu.

Semasa sesi perjumpaan berkenaan, Yang Berhormat Menteri Pendidikan turut memberi kata-kata nasihat kepada para atlet yang akan bertanding supaya sentiasa membuat persediaan yang cukup untuk perlawanan nanti, di samping menjaga keterampilan dan budaya Negara Brunei Darussalam serta saling hormat-menghormati dan bersikap baik sepanjang berlangsungnya



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa mengadakan sesi perjumpaan bersama Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) bertempat di Dewan Utama Bangunan Baharu Kementerian Pendidikan.

acara tersebut.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga menyampaikan hasrat kepada para jurulatih agar sentiasa memberi motivasi dan sokongan kepada

atlet-atlet negara supaya mereka dapat meningkatkan prestasi dan keazaman untuk memberikan yang terbaik dan memberi saingan sengit di dalam perlawanan.

Menteri Pendidikan penuh

berharap atlet-atlet negara akan kembali dengan meraih kejayaan dan kemenangan di samping menimba ilmu serta pengalaman dari kejohanan tersebut.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (kiri) menyerahkan bendera kepada Ketua Kontinjen Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) iaitu Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Haji Azis bin Haji Nayan, selaku Chef de Mission.

PULAIE, Isnin, 10 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Brunei Darussalam (MSSBD) akan menyertai Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah (ASG) ASEAN Ke-9 di Republik Singapura bermula 14 hingga 20 Julai 2017 nanti.

Seramai 18 atlet MSSBD akan berentap dalam tiga acara sukan iaitu Sukan Ping Pong, Sepak Takraw dan Tenpin Boling.

Kontinjen MSSBD akan diketuai oleh Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang

Haji Azis bin Haji Nayan, selaku Chef de Mission dan turut disertai oleh lapan pegawai.

Sehubungan itu, Majlis Penyerahan Bendera kepada Chef de Mission telah diadakan di Dewan Kuliah, Sekolah Sukan. Penyerahan bendera disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Majlis diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat bagi memohon keberkatan dan perlindungan bagi penyertaan

18 atlet berentap di Kejohanan Sukan Sekolah-Sekolah ASEAN

Kontinjen MSSBD semasa kejohanan itu nanti.

Dua atlet yang akan bertanding dalam Sukan Ping Pong dalam Kategori Individu dan Beregu manakala empat atlet akan bertanding dalam acara Tenpin Boling dalam Kategori Individu, Beregu dan Berpasukan. Sementara itu, bagi Sukan Sepak Takraw akan disertai oleh 12 atlet yang bertanding dalam Kategori Berpasukan, Inter Regu dan Beregu.

Ketua Sekretariat ASG Ke-9, Awang Haji Eady Sardi bin Pehin Datu Derma Sakti Dato Paduka Haji Abd Razak dalam temu bual bersama pihak media menjelaskan, para atlet telah pun membuat latihan sejak tahun lalu dan latihan semakin giat dilaksanakan sehinggalah ke saat ini sebelum mereka bertolak ke Singapura nanti.

Menurut beliau lagi, harapan mereka setentunya adalah untuk meraih sebarang pingat dan memberi saingan yang sengit kepada para atlet lain nanti.

Beliau turut menambah, para atlet juga telah diberikan saranan dan motivasi agar terus kental dan tidak takut bersaing dengan pihak lawan secara profesional semasa kejohanan nanti.

Pencapaian terbaik kontinjen MSSBD sebelum ialah mendapat

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

1 pingat emas, 1 perak dan 3 gangsa semasa Negara Brunei Darussalam menjadi tuan rumah pada tahun 2015.

Kejohanan ini dianjurkan setiap tahun sejak 2009 dan negara ASEAN bergilir-gilir dilantik menjadi tuan rumah. Pada tahun ini, kejohanan menerima penyertaan julung kali dari Myanmar dan menjadikan 10 buah negara ASEAN akan menyertai kejohanan ini.

Brunei Darussalam juga akan menerima lantikan selaku Presiden ASEAN Schools Sports Council

(ASSC) semasa 54th ASSC Management Committee (MC) Meeting pada 14 Julai 2018 bagi tempoh dua tahun bermula 1 Januari 2018 sehingga 31 Disember 2019 bagi menggantikan Viet Nam yang telah menjadi Presiden ASSC bagi tahun 2016-2017.

Hadir selaku wakil Timbalan Menteri Pendidikan semasa lantikan itu nanti ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.



ePaper
Pelita Brunei

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'DOAKAN KEAFIATAN DAN KESEJAHTERAAN BUAT RAJA YANG DIKASIHI'

دربیتکن اوله جباتن فنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتی اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.